

Anwar, Shigeru junjung isu kemanusiaan

DALAM era di mana landskap geopolitik semakin dibentuk oleh konflik, pakatan dan krisis kemanusiaan, perang tragis di Gaza—bermula pada 7 Oktober 2023 sebagai peringatan yang jelas tentang keperluan mendesak untuk kerjasama global dalam menghulurkan bantuan terhadap wilayah berkenaan.

Dengan lebih 48,000 korban dan kemusnahan yang berlaku, penderitaan rakyat Palestin telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa sekali gus mencetuskan seruan untuk keadilan, keamanan dan pembinaan semula.

Di tengah-tengah kegawatan ini, Malaysia dan Jepun telah muncul sebagai kuasa penting dalam menerajui usaha untuk membina semula Gaza dan mengesahkan perkongsian dalam menjunjung isu kemanusiaan yang merentasi sempadan, budaya dan jurang politik.

Bercakap mengenai perkara ini, Penganalisis Politik Timur Tengah, **Mohd Nasaie Ismail** berkata, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas menunjukkan usaha Malaysia dalam menyebarkan pembabitannya kepada negara-negara lain untuk turut sama terlibat aktif dalam membela Gaza dan Palestin yang sekian lama ditindas rejim zionis.

"Kebiasaannya majoriti yang membantu adalah negara-negara Islam sahaja di samping segelintir negara Eropah seperti Norway.

"Dalam konteks Asia, penglibatan negara bukan Islam dalam membela nasib rakyat Gaza ini hampir-hampir tidak pernah berlaku," katanya ketika dihubungi Wilayahku pada isnin.

Mohd Nasaie berkata, Jepun yang dipimpin Perdana Menteri, Shigeru Ishiba tampil sebagai sebuah kuasa ekonomi yang berpengaruh dan mempunyai keupayaan teknologi yang maju dalam membina sesebuah bandar yang diperlukan untuk membina Gaza, ia mampu menarik penyertaan lebih banyak negara maju lain untuk turut sama membantu pemulihan dan pembangunan di wilayah tersebut.

"Dengan terlibatnya Jepun, ia akan memberi teladan kepada negara lain untuk turut sama menjadikan isu Gaza bukan isu agama tetapi pembelaan terhadap kemanusiaan rentas sempadan agama dan bangsa," katanya.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Perdana Menteri telah mengesahkan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Palestin dengan menggabungkan tanggungjawab moral dengan diplomasi strategik untuk menggerakkan bantuan antarabangsa.

"Jepun sebagai sebuah negara penyokong keamanan dan pembinaan semula sejak sekian lama, telah bergabung dengan Malaysia dalam kerjasama bersejarah yang menekankan kuasa diplomasi kemanusiaan.

Inisiatif bersama ini bukan semata-mata tindakan membina semula infrastruktur – ia adalah satu kenyataan kepada dunia bahawa keadilan dan maruah manusia mesti mengatasi parut peperangan," katanya.



MOHD NASAEI